

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### **3.1 Pendahuluan.**

Kajian mengenai program perkembangan staf di sekolah bestari di Malaysia merupakan satu kajian yang baru. Ini disebabkan sekolah bestari baru dilancarkan pada awal tahun 1999. Untuk mengetahui bentuk dan keperluan program perkembangan staf di kalangan guru di sekolah bestari satu instrumen berbentuk soal selidik telah disediakan oleh pengkaji. Dalam soal selidik ini disediakan beberapa soalan berkaitan dengan bentuk dan keperluan program perkembangan staf yang perlu dijawab oleh guru-guru bagi memilih program perkembangan staf yang paling sesuai untuk memahami konsep dan tujuan sekolah bestari dijalankan.

#### **3.2 Sampel kajian.**

Sampel kajian ini terdiri daripada 50 orang guru di dua buah sekolah bestari di daerah Hilir Perak, Perak. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak dan Sekolah Menengah Sains, Teluk Intan. Pemilihan guru ini disebabkan mereka ini sedang bertugas di sekolah bestari dan telah didedahkan dengan konsep

sekolah bestari menerusi program perkembangan staf serta bahan edaran daripada Pusat Perkembangan Kurikulum, Pejabat Pendidikan Perak serta Pejabat Pendidikan Daerah, Hilir Perak.

### **3.3 Instrumen kajian.**

Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik untuk mengumpulkan data mengenai persepsi respondan terhadap pelbagai aspek program perkembangan staf mengenai sekolah bestari. Item-item soal selidik yang digunakan ini dibentuk berdasarkan berbagai rujukan dan kajian yang pernah dijalankan mengenai program perkembangan staf dan sekolah bestari. Soal selidik ini merangkumi dua bahagian utama iaitu :

- (a) mengenai latar belakang respondan.
- (b) Mengenai persepsi respondan terhadap aspek-aspek tertentu mengenai sekolah bestari dan program perkembangan staf serta cadangan-cadangan meningkatkan keberkesanan program ini.

#### **3.3.1 Mengenai Latar Belakang Respondan .**

Bahagian ini merupakan Bahagian 1 dalam soal selidik. Ia merangkumi soalan - soalan untuk mendapatkan data mengenai ras, jantina, umur , kelayakan akademik tertinggi, kelayakan profesional tertinggi, bilangan program perkembangan staf mengenai sekolah bestari yang telah dihadiri dan peringkat menghadiri program

perkembangan staf sekolah bestari. Semua soalan yang terdapat dalam bahagian ini hanya memerlukan respondan menandakan ( / ) di ruangan yang sesuai.

### **3.3.2 Mengenai Persepsi Respondan Terhadap Aspek-Aspek Tertentu Mengenai Sekolah Bestari dan Program Perkembangan Staf serta Cadangan Meningkatkan Keberkesanan Program Ini.**

Soalan-soalan ini terdiri dari Bahagian 2, 3, 4, dan 5. Setiap bahagian memerlukan respondan menjawab mengenai satu aspek yang dikaji seperti berikut :

Bahagian 2 : Pengetahuan dan kefahaman guru mengenai sekolah bestari.

Bahagian 3 : Sejauhmanakah program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri menepati kehendak dan keperluan guru.

Bahagian 4 : Bentuk program perkembangan staf sekolah bestari yang sesuai untuk guru pada masa hadapan.

Bahagian 5 : Keperluan kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari untuk guru pada masa hadapan.

Semua soalan yang terdapat di dalam bahagian B ini hanya memerlukan respondan menandakan ( / ) di ruangan yang disediakan. Jawapan bagi Bahagian 2 mengenai pengetahuan dan kefahaman guru mengenai sekolah bestari dibentuk berdasarkan skala Likert 4 poin iaitu 1. Amat faham, 2 . Faham, 3. Kurang faham dan 4. Tidak faham.

Untuk Bahagian 3 mengenai sejauhmanakah program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri menepati kehendak dan keperluan guru dibentuk berdasarkan skala Likert 4 poin iaitu 1. Sangat setuju, 2. Setuju , 3.Tidak setuju dan 4 . Tidak pasti.

Bahagian 4 hanya memerlukan respondan menandakan ( / ) dan setiap hujung soalan respondan diberikan peluang untuk memberi cadangan yang relevan.

Bahagian 5 mengenai keperluan kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari untuk guru pada masa hadapan berdasarkan skala Likert 4 iaitu 1. Sangat perlu, 2. Perlu, 3. Kurang perlu dan 4. Tidak perlu.

### **3.4 Prosedur kajian.**

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah survey dan instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Sebelum soalselidik ini diberikan kepada respondan yang sebenar, satu ujian rintis telah dijalankan. Lima orang guru telah dipilih untuk ujian rintis dan guru ini tidak akan terlibat dalam ujian yang sebenar. Ujian rintis ini bertujuan untuk memperbaiki item soalselidik, menentukan jangka masa yang digunakan untuk menjawab soalan ini dan memperbaiki kekaburuan bahasa.

Permohonan untuk mengendalikan kajian ini dipohon daripada Unit Penyelidikan , Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri, Perak. Setelah kebenaran diperolehi, soal selidik ini diedarkan kepada respondan. Setiap guru yang diberikan borang soal selidik

diberikan penerangan mengenai tujuan dan matlamat kajian ini dijalankan. Ini mengelakkan jawaban respondan tidak tepat yang boleh menjelaskan kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi. Respondan juga diyakini bahawa maklumat yang diberikan adalah rahsia dan digunakan untuk kajian ini sahaja. Respondan diberi masa untuk menjawab soalan dan borang soal selidik dikutip semula pada hari yang sama. Ini mengelakkan daripada borang soal selidik ini hilang jika dibenarkan di bawa pulang oleh respondan atau tercicir.

### **3.5 Analisis data.**

Data yang diterima melalui soal selidik akan dikodkan untuk proses pemindahan ke dalam disket komputer berdasarkan program " Statistical Package For The Social Sciences " ( SPSS/PC+ ). Taburan kekerapan dan peratus digunakan untuk menganalisis kebanyakan variabel dalam kajian ini. Analisis ini mudah serta dapat membezakan persepsi setiap sampel terhadap aspek-aspek program perkembangan staf yang dikaji.

Kaedah 'cross tabulation " dan nilai Chi ganda Pearson's R turut digunakan untuk menganalisis hubungan antara variebal. Analisis korelasi Pearson's R mempunyai signifikan pada aras 0.05. Kaedah ini digunakan untuk menjawab soalan kajian 5 iaitu hubungan antara kelayakan akademik tertinggi guru dengan kefahaman guru mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari dan soalan 6 iaitu hubungan antara tahap pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari dengan keperluan mendapatkan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran dalam program perkembangan staf pada masa hadapan.